

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Membaca al-Quran dengan betul dan fasih merupakan satu amalan yang dituntut dalam Islam²⁸⁴. Membacanya sahaja sudah dikira satu ibadat dan diberikan ganjaran pahala yang banyak oleh Allah S.W.T. Disebabkan tawaran yang terlalu istimewa daripada Allah S.W.T menjadikan kitab suci ini begitu sinonim dibaca oleh sebilangan besar umat Islam khususnya di Malaysia.²⁸⁵

Oleh demikian, bagi memperoleh kesempurnaan bacaan al-Quran serta pahala berlipat ganda dari Allah SWT, seseorang individu perlulah berkemampuan menguasai mana-mana teknik asas belajar al-Quran yang dipelajari sedari kecil lagi. Dengan kemuculan pelbagai teknik belajar asas bacaan al-Quran khususnya di Malaysia, ianya akan dapat menambahkan lagi kepelbagaian khazanah dalam ilmu pendidikan al-Quran sekaligus memberi pilihan kepada kalangan masyarakat Islam Malaysia untuk memilih teknik manakah yang dirasakan sesuai menurut citarasa masing-masing asalkan mereka mampu membaca Kalamullah dengan baik. Namun, setiap teknik yang dihasilkan sudah pastinya akan mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing.

Kajian ini secara khususnya menjelaskan dengan terperinci mengenai teknik bacaan al-Quran yang digunakan serta berkembang dalam sistem pendidikan al-Quran di Malaysia iaitu teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*. Teknik *Iqra'* merupakan teknik yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di sekolah-sekolah rendah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia manakala teknik *Al-Baghdadi* pula adalah teknik belajar al-Quran kontemporari yang diasaskan oleh Ustaz Jalaluddin bin

²⁸⁴ Aderi, "Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran", 47.

²⁸⁵ Dr. Abdul Rahman bin Abd Ghani, "Isu dan Masalah Semasa Dalam Pembacaan al-Quran Masa Kini: Suatu Tinjauan". (Jurnal Darul Quran Jakim. Bil. 14, 2010), 1.

Hassanuddin bermula tahun 2009 sehingga kini. Seramai 60 orang responden dalam kalangan pelajar SK Segambut, KL dan ATCKL dipilih sebagai sampel bagi melihat perbezaan kemampuan mereka membaca al-Quran dengan baik.

5.2 Penemuan Baru Hasil Dapatan Kajian

Setelah melakukan kesemua analisis yang diperlukan samada dalam bentuk pemerhatian, temuramah, soal-selidik dan ujian lisan (*shafawi*) al-Quran, penulis dapat rumus dan simpulkan beberapa penemuan baru yang diperolehi hasil dari dapatan kajian seperti berikut:

5.2.1 Kebolehan menyebut huruf-huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris

Hasil kajian ini mendapati bahawa responden yang mempelajari teknik *Al-Baghdadi* lebih berkemampuan menyebut dengan baik huruf-huruf *Hijāiyyah* beserta tanda baris yang pelbagai dengan nilai Min=21.9 dan SD=2.1 berbanding responden teknik *Iqra'* yang memperoleh Min 20.5 dan SD=2.5.

Sungguhpun begitu, hasil dari ujian bacaan mengenalpasti kebolehan responden menyebut huruf-huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris menunjukkan kebanyakan responden agak lemah dalam menyebut dengan tepat dan betul nama-nama huruf tunggal *Hijāiyyah*. Justeru, penekanan terhadap sebutan sebenar huruf-huruf tunggal *Hijāiyyah* perlu diberikan memandangkan sebahagian besar responden terkesan dari pembelajaran yang memperkenalkan mereka terus kepada sebutan huruf-huruf *Hijāiyyah* berbaris di atas (*fathah*). Walaubagaimanapun, berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dijalankan dengan jelasnya menunjukkan bahawa responden teknik *Al-Baghdadi* lebih baik pencapaiannya dari segi menyebut huruf-huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris berbanding responden teknik *Iqra'*. Justeru, teknik *Al-Baghdadi* lebih sesuai digunakan dalam sistem

pendidikan al-Quran terhadap golongan kanak-kanak terutama terhadap kelompok yang besar.

5.2.2 Kebolehan membaca perkataan atau kalimah

Responden yang mempelajari teknik *Al-Baghdadi* menunjukkan tahap kemampuan mereka membaca perkataan atau kalimah adalah lebih baik berbanding responden teknik *Iqra'*. Ini dapat dibuktikan dengan hasil analisis yang menunjukkan nilai Min responden *Al-Baghdadi* adalah 19.79 dan SD=2.7. Bagi responden teknik *Iqra'*, dapatan kajian menunjukkan tahap keupayaan mereka membaca perkataan atau kalimah adalah sedikit lemah dengan nilai Min=17.46 dan SD=2.8. Justeru, teknik *Al-Baghdadi* lebih praktikal untuk diaplikasi kepada generasi kanak-kanak hari ini berbanding teknik *Iqra'* dalam usaha untuk memahirkan golongan kanak-kanak membaca al-Quran dengan baik.

5.2.3 Kebolehan membaca ayat al-Quran

Dari sudut pengujian terhadap kemampuan membaca ayat al-Quran, keputusan analisis juga berpihak kepada responden teknik *Al-Baghdadi* dengan nilai Min=18.7 dan SD=3.0. Nilai Min responden teknik *Iqra'* pula adalah 16.46 dengan SD=4.1. Dapatan ini menunjukkan responden yang mempelajari teknik *Al-Baghdadi* lebih baik tahap penguasaan mereka dalam membaca ayat-ayat al-Quran.

5.2.4 Penguasaan hukum tajwid

Bagi pengukuran tahap seterusnya iaitu terhadap keupayaan membaca ayat al-Quran dengan hukum tajwid, responden teknik *Al-Baghdadi* juga dilihat berkemampuan menguasainya dengan nilai Min yang diperolehi adalah 16.86 dan SD=3.2 manakala responden teknik *Iqra'* memperoleh nilai Min=14.16 dan SD=4.4. Dapatan ini menjelaskan bahawa dengan mempelajari teknik *Al-Baghdadi*, kanak-kanak secara tidak langsung

diajarkan dengan hukum-hukum tajwid asas terutamanya hukum *mad*, Nun mati dan *tanwīn*, hukum Mim mati, *qalqalah* dan sebagainya.

5.2.5 Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sistematik dan berkesan

Kaedah pengajaran dan pembelajaran teknik *Al-Baghdadi* di peringkat asas yang menggunakan ‘alat ketuk’ sebagai alat bantu mengajar hakikatnya menggalakkan pelajar untuk terus mendisiplinkan bacaan al-Quran mereka dengan memberi hak kepada huruf-huruf al-Quran dengan satu huruf bersamaan satu ketukan yang akhirnya menghasilkan tempo bacaan yang teratur dan seragam. Justeru, pada hemat penulis, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan melalui teknik *Al-Baghdadi* ini sememangnya sangat sistematik dan berkesan.

5.2.6 Kaedah pengajaran yang seronok dan menceriaikan

Jelas terbukti bahawa teknik belajar membaca al-Quran melalui teknik *Al-Baghdadi* sememangnya seronok dan menceriaikan. Dengan dapatan yang diperolehi menunjukkan 36.6% responden *Al-Baghdadi* mengatakan mereka sangat seronok mempelajari teknik *Al-Baghdadi*, 13.4% mengatakan seronok dan tiada dalam kalangan 30 orang responden mengatakan tidak seronok. Hal ini terbukti dengan dapatan kajian yang mendapati responden teknik *Al-Baghdadi* berkeupayaan menguasai keempat-empat tahap pengukuran yang dijalankan. Di samping itu, bahan bantu mengajar yang digarap dengan begitu baik sekali menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran bertambah ceria. Teknik *Al-Baghdadi* juga mampu merubah persepsi orang ramai yang suatu ketika dahulu mengatakan bahawa belajar al-Quran adalah sesuatu yang susah dan merumitkan. Ada pula yang takut-takut untuk menghadiri kelas-kelas al-Quran kerana bimbang dirotan oleh Tuan Guru akibat

kesalahan dalam bacaan. Kini, persepsi sebegini tidak lagi berlaku sekiranya belajar membaca al-Quran dengan teknik *Al-Baghdadi*.

5.2.7 Pengulangan dan latih tubi

Pengulangan dan latih tubi yang banyak mampu memantapkan lagi keupayaan seseorang individu menguasai sesuatu pelajaran. Begitu juga dengan teknik *Al-Baghdadi* yang menekankan pengulangan beratus-ratus kali dalam satu-satu sukatan pelajaran. Tujuan pengulangan beratus-ratus kali ini juga adalah untuk membiasakan pelajar terus mengenali huruf dan sebutan tanpa mengeja lagi. Sekalipun pengulangan yang banyak dilakukan, ianya tidaklah disedari oleh kalangan pelajarnya yang secara tidak langsung menjadikan situasi sebegini menggunakan pendekatan ‘Minda Bawah Sedar’ (*Subconscious Mind*).

5.3 Cadangan dan Saranan

Berdasarkan kepada dapatan kajian, penulis ingin menyarankan beberapa cadangan dan pandangan yang dirasakan perlu demi kebaikan masa depan pendidikan al-Quran di Malaysia terutama dalam kalangan kanak-kanak seperti berikut:

5.3.1 Kementerian Pelajaran Malaysia

Kementerian Pelajaran Malaysia seharusnya mengkaji minat murid-murid terhadap mata pelajaran al-Quran kerana tahap keupayaan mereka untuk menguasainya adalah ditentukan juga oleh minat mereka. Justeru, sebagai satu saranan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, teknik *Al-Baghdadi* amatlah sesuai diaplikasi kepada murid-murid bermula di peringkat rendah pengajian. Ini bagi memberi keseronokan belajar kepada kanak-kanak kerana penggunaan ‘alat ketuk’nya mampu menjana minat dan ketajaman minda mereka. Berkemungkinan agak sukar untuk merubah teknik bacaan al-Quran sedia ada memandangkan ianya sudah lama diaplikasi dan digunapakai di dalam silibus pengajian al-

Quran KBSR dan KSSR. Walaubagaimanapun, sebagai permulaan, adalah lebih baik sekiranya teknik ini diaplikasi terhadap kumpulan pelajar yang masih lemah tahap penguasaan membaca al-Quran mereka menerusi bengkel-bengkel pemantapan bacaan al-Quran yang diadakan khususnya di musim cuti sekolah.

5.2.2 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)

Pihak Jakim haruslah berganding bahu membantu membanteras gejala buta al-Quran dalam kalangan pelajar dan masyarakat Muslim dengan mempelbagaikan lagi program-program kemasyarakatan yang berlatarbelakangkan al-Quran seperti menawarkan kelas-kelas pengajian tahsin al-Quran menerusi teknik *Al-Baghdadi* sebagai salah satu dari teknik belajar membaca al-Quran kontemporari yang sesuai untuk semua peringkat umur. Ini adalah bagi mengambil 'secebis' manfaat hasil dari kajian yang penulis jalankan. Penulis berpendapat, sekiranya masyarakat Muslim mempunyai perasaan 'seronok' apabila belajar membaca al-Quran di peringkat kecil lagi, sudah pasti mereka sukar untuk meninggalkan pembacaan al-Quran mereka apabila dewasa kelak. Secara tidak langsung gejala buta al-Quran akan dapat dikurangkan.

5.3.3 Ibubapa

Ibubapa memainkan peranan yang besar untuk membimbing anak-anak mereka supaya pandai membaca al-Quran. Mereka tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab mengajar al-Quran di bahu guru-guru sekolah sahaja. Pemantauan ibubapa untuk menggalakkan anak-anak mereka membaca al-Quran di rumah juga perlu agar ilmu bacaan al-Quran yang diterima oleh anak-anak mereka dapat dimahirkan lagi. Sekalipun ibubapa tidak mempunyai ruang masa untuk berbuat demikian, pilihan alternatif di pusat-pusat pengajian al-Quran yang tumbuh bagai cendawan di luar sana tersedia untuk menerima anak-anak

mereka mempelajari bacaan al-Quran dengan baik. Dengan kerjasama yang diberikan dari pihak ibubapa diharap akan dapat membantu mengurangkan peratusan pelajar-pelajar yang lemah dan buta al-Quran.

5.3.4 Guru-guru al-Quran

Peranan guru-guru khususnya guru-guru al-Quran dalam usaha mendidik anak-anak supaya pandai membaca al-Quran sememangnya suatu usaha yang amat murni. Justeru, sebagai satu saranan ke arah penambahbaikan, guru-guru al-Quran seharusnya lebih kreatif menarik lagi minat kanak-kanak untuk terus pandai membaca al-Quran dengan menggunakan medium terkini yang mampu menjadikan kelas pengajian al-Quran lebih ceria dan menyeronokkan. Ini kerana kemampuan kanak-kanak menguasai al-Quran juga turut bergantung kepada cara dan bagaimana guru-guru mengajar.

5.3.5 Individu Muslim

Sebagai seorang individu Muslim, adalah lebih baik diperbaiki lagi tahap bacaan al-Quran mereka dari masa ke semasa. Tidaklah cukup dengan pengajian al-Quran yang diterima di sekolah sahaja, malahan amalan membaca al-Quran secara berterusan akan dapat membantu lidah untuk fasih membaca Kalam-Nya di samping mampu menjadikan diri individu itu berperibadi dan berperwatakan mulia.

5.3.6 Masyarakat Muslim

Kelas-kelas dan pusat-pusat pengajian al-Quran semakin banyak dibuka hingga ke hari ini dengan menawarkan pengajian al-Quran yang terdiri dari teknik belajar membaca al-Quran yang pelbagai. Justeru, inilah masanya untuk mereka memantapkan lagi keupayaan membaca al-Quran sekalipun ada dalam kalangan orang dewasa yang baru hendak bermula mengenali huruf-huruf *Hijāiyyah*.

5.3.7 Media massa

Media massa juga memainkan peranan yang besar kepada masyarakat dalam menyampaikan kepelbagaian maklumat. Justeru, penambahan program-program ilmiah terhadap ilmu bacaan al-Quran perlulah dikaji dan dipelbagaikan cara serta bentuk persembahannya agar keperluan rohani masyarakat Muslim lebih terisi menerusi pengisian yang disampaikan. Dengan pendedahan ilmu al-Quran dari mereka yang pakar di bidang ini menerusi kaca televisyen contohnya secara tidak langsung akan dapat merapatkan lagi penonton dengan al-Quran sekaligus menjadikan mereka lebih berusaha untuk *mentadabburkannya*.

5.4 Penutup

Sebelum mengakhiri penulisan ini, suka untuk penulis mengingatkan kepada diri sendiri serta umat Islam di luar sana agar sentiasa berusaha memperbaiki mutu bacaan al-Quran dari semasa ke semasa. Buanglah jauh-jauh perasaan malu untuk belajar al-Quran sekalipun baru mahu bermula di lewat usia. Sentiasalah juga membaca serta mentadabbur Kalam-Nya agar ianya dapat memberi *syafaat* kepada diri kita di akhirat kelak bertepatan dengan sabda Baginda s.a.w: *“Bacalah al-Quran, sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai syafaat (pertolongan) kepada tuan (yang membacanya)”*.²⁸⁶ Semoga dengan sumbangan yang kecil melalui penulisan ini akan dapat membantu memartabatkan lagi keagungan dan kegemilangan al-Quran sepertimana yang telah berlaku dalam lipatan sejarah dunia Islam di zaman silam. *Āmīn Yā Rabb al-‘Ālamīn*.

²⁸⁶ Hadith riwayat al-Nawawi, Bab Faḍl Qirāṭi al-Qurān wa Sūrah al-Baqarah. Lihat Al-Nawawi, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 6:90.